

13 kematian, 13 kluster baharu

2,936 kes Covid-19 direkodkan, Selangor masih tertinggi

KUALA LUMPUR

Sebanyak 2,936 kes baharu Covid-19 direkodkan pada Jumaat, menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 di Malaysia sebanyak 277,811 kes setakat ini, selain 13 lagi kematian dilaporkan akibat pandemik itu dalam tempoh 24 jam lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes sembuh harian

pula terus mencatatkan jumlah lebih tinggi berbanding kes positif harian iaitu sebanyak 4,889 kes pada Jumaat, menjadikan jumlah sembuh keseluruhan sehingga kini sebanyak 239,971 kes.

"Daripada jumlah kes baharu harian ini, 17 kes merupakan kes import melibatkan empat warganegara dan 13 warga asing," katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 pada Jumaat.

Menurutnya, Selangor terus mencatatkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 978 kes dengan 722 melibatkan kluster-kluster dan saringan kontak rapat Covid-19.

"Ia diikuti Johor sebanyak

730 kes, Kuala Lumpur (227), Sarawak (199), Negeri Sembilan (191), Pulau Pinang (188), Perak (155), Sabah (101), Kelantan (38), Terengganu (37), Kedah (36), Melaka dan Pahang masing-masing 26 kes, Putrajaya (3) dan Labuan (1)," katanya.

Mengenai 13 kematian yang dilaporkan, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak enam kes di Kuala Lumpur, Selangor (3), Sarawak (2) serta masing-masing satu kes di Melaka dan Johor dengan lingkungan umur



DR NOOR HISHAM

53 hingga 84 tahun.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, 13 kluster baharu dikenal pasti pada Jumaat dengan 10 daripadanya berkaitan tempat kerja, dua melibatkan komuniti dan satu membabitkan kumpulan berisiko tinggi, menjadikan jumlah kluster aktif kini sebanyak 511 kes.

Menurutnya, daripada 10 kluster baharu di tempat kerja, lima dikesan di Johor iaitu Jalan Kota Murni, Jalan Murni 12, Jalan Tun Mutahir, Jalan Indah Utama dan Parit Haji Khamis; dua di Selangor (Kompleks Pe-

rabut dan Jalan Sementa) dan masing-masing satu di Sabah (Singgahmata), Sarawak (Kejatau) serta Kuala Lumpur (Jalan Kuchai).

"Kluster komuniti pula ialah Jalan Green di Sarawak dan Bukit Petiti di Terengganu, manakala kluster kumpulan berisiko tinggi dikesan di Terengganu iaitu Kluster Kubang Jambu," katanya.



Dr Noor Hisham berkata, 109 kluster mencatatkan pertambahan kes baharu dengan Kluster Jalan Murni 12 merekodkan jumlah tertinggi sebanyak 339 kes, diikuti Kluster Jalan Perindustrian Pelepas (179) dan Kluster Industri Tekstil Nilai (113).

- Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA


*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 19 Februari 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
277,811	239,971	220	1,043	+2,936



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 274,875 kes kepada 277,811 kes